



e-ISSN: 0128-0902
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 11(1) 2025

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Amalan dan Pelaksanaan Wakaf Tunai di Terengganu (Practices and Implementation of Cash Waqf in Terengganu State)

Mohd Ridzuan Mohamad^{1*} 

¹Faculty of Business Management, Universiti Sultan Zainal Abidin, Campus Gong Badak, Terengganu, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 7 April 2024
Accepted 21 May 2024
Published 10 March 2025

Keywords:

cash waqf
Council Committee Fatwa of
Terengganu State
Islamic Religious and Malay
Council of Terengganu (MAIDAM)

Katakunci:

wakaf tunai
Jawatankuasa Fatwa Negeri
Terengganu
Majlis Agama Islam dan Adat
Melayu Terengganu (MAIDAM)

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v11i1.1>

ABSTRACT

The development of waqf becomes a positive sign; at the same time, its advantages can benefit the target group. Cash waqf is an alternative approach that allows the public to perform waqf easily and the number of contributors is higher compared to waqf involving high-value assets such as buildings or land. However, awareness of the impact of cash waqf is still not widespread among the community, especially in the Terengganu State. This study uses a qualitative method by deeply exploring the implementation of cash waqf in Terengganu State. Data obtained from the field through interviews were analysed using content analysis and the respondents consisted of Islamic Religious and Malay Council of Terengganu (MAIDAM) staff working in the waqf section. The study found that the practices and implementation of cash waqf in Terengganu State are based on Islamic laws and regulations at the MAIDAM level. The benefits of this cash waqf are distributed in the form of aid schemes, including Cemetery Maintenance Aid, Ithya' Ramadhan Aid, Aid for Religious Programmes at Mosque/Surau, Aid for Small Renovations in Religious Schools, Aid for Orphans Welfare and Aid for Religious School Instruments. Beneficiaries include all districts in Terengganu, with the highest number of beneficiaries in Kuala Terengganu at 50%. In conclusion, this generated revenue is essential, as it enables the community to benefit from waqf distribution through established aid schemes.

ABSTRAK

Perkembangan wakaf merupakan petanda positif dan secara tidak langsung kebbaikannya dapat dimanfaatkan oleh pihak yang disasarkan. Wakaf tunai merupakan salah satu pendekatan alternatif di mana orang awam boleh berwakaf dengan mudah dan tahap kemampuan pewakaf untuk menyumbang adalah lebih ramai berbanding berwakaf ke atas aset bernilai tinggi seperti bangunan atau tanah. Walau bagaimanapun, pendedahan mengenai pelaksanaan wakaf tunai dari sudut impaknya masih tidak meluas dalam kalangan masyarakat khususnya di Negeri Terengganu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan

^{1*} Corresponding author. E-mail address: duan_shi@yahoo.com
<https://doi.org/10.24191/jcis.v11i1.1>

menerokai secara mendalam pelaksanaan wakaf tunai di Negeri Terengganu. Data yang diperoleh di lapangan melalui kaedah temu bual dianalisis secara penganalisan kandungan dan responden terdiri daripada kakitangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) yang bertugas di bahagian wakaf. Hasil kajian mendapati bahawa amalan dan pelaksanaan wakaf tunai di Negeri Terengganu adalah berpandukan hukum syarak serta peraturan di peringkat MAIDAM. Manfaat wakaf tunai ini diagihkan dalam bentuk sumbangan skim bantuan yang terdiri daripada Bantuan Penyelenggaraan Kubur, Bantuan Ihya' Ramadhan, Bantuan Program Keagamaan di Masjid/Surau, Bantuan Pembaikan Kecil Sekolah Agama, Bantuan Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Bantuan Peralatan Sekolah Agama. Penerima manfaat melibatkan semua daerah di Negeri Terengganu dengan daerah tertinggi adalah Kuala Terengganu sebanyak 50%. Kesimpulannya, hasil penajaan ini adalah penting kerana masyarakat dapat memperoleh agihan manfaat wakaf melalui skim bantuan yang telah diwujudkan.

PENDAHULUAN

Harta wakaf merupakan aset penting bagi umat Islam, jika dimanfaatkan secara optimum, hasilnya dapat membantu dari sudut sektor sosial, pendidikan dan ekonomi. Menurut Djuzali (2003), sesebuah negara mempunyai hubungan penting terhadap kekayaan aset yang sedia ada, maka kekayaan aset bagi sesebuah negara termasuk aset-aset wakaf hendaklah sentiasa dijana. Wakaf tunai, merupakan salah satu instrumen bagi memajukan tanah-tanah wakaf yang masih terbiar (Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR) & Yayasan Wakaf Malaysia (YWM), 2016). Pelaksanaan wakaf tunai di Malaysia mula dilaksanakan pada tahun 2007, susulan keputusan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali ke-77 bertarikh 12 April 2007 (Mohamad, 2009). Wakaf tunai penting untuk dibudayakan dalam masyarakat Melayu Islam kerana jika amalan ini berjaya direalisasikan, sumbangannya akan menjadi signifikan dalam sektor pembangunan ekonomi Islam. Hal ini dapat dicontohi oleh beberapa negara luar seperti Turki dan Mesir.

Wakaf tunai juga dikenali sebagai '*cash waqf*' iaitu berwakaf dalam bentuk mata wang kepada pihak yang diamanahkan dan seterusnya wang tersebut ditukarkan ke dalam bentuk aset yang kekal. Hasil daripada aset wakaf ini pula diagihkan dalam bentuk kebajikan ummah (JAWHAR, 2009). Dari sudut hukum fiqh, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha tentang kedudukan wakaf menggunakan mata wang. Mazhab Syafie tidak membenarkannya kerana *mawquf* atau mata wang tersebut akan hilang. Mazhab Maliki pula membenarkan jika mata wang tersebut ditukar ke dalam bentuk harta yang kekal. Manakala dalam mazhab Hanafi, terdapat tiga pandangan; pertama, mengharuskan dengan syarat; kedua, mengharuskan tanpa syarat; dan ketiga, tidak mengharuskannya (Muhamad, 2015).

Dari sudut pelaksanaan di Malaysia, ia diharuskan sebagaimana telah diputuskan oleh beberapa Jawatankuasa Fatwa iaitu Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali ke-77 bertarikh 12 April 2007 (JAWHAR, 2010), Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu Kali ke-7 bertarikh 31 Januari 2007 (Jabatan Mufti Negeri Terengganu, 2011), Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali ke-5 bertarikh 2017 (Jabatan Mufti Negeri Selangor, tt), Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan bertarikh 9 Jun 2013 dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah bertarikh 25 Februari 2009 (Jabatan Mufti Negeri Kedah, 2010). Setiap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) mempunyai istilah berbeza terhadap pelaksanaan wakaf tunai. Di Negeri Sembilan, Selangor, Melaka, Kedah, Kelantan dan Perlis, istilah yang digunakan adalah 'wakaf tunai'. Istilah 'dana wakaf' digunakan di Pahang, Perak dan Pulau Pinang, manakala istilah 'saham wakaf' pula digunakan di Johor (Mohamad et al., 2020).

Di peringkat Kerajaan Persekutuan, pelaksanaan wakaf tunai telah diamanahkan kepada Yayasan Waqaf Malaysia (YWM). YWM ditubuhkan pada 23 Julai 2008 di bawah Akta Pemegang Amanah [Pemerbadanan] 1952 oleh Jabatan Wakaf, Zakat Haji Malaysia (JAWHAR). Struktur organisasi ini diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan mempunyai 'Board of Trustee' iaitu Lembaga Pemegang Amanah (LPA). Pengerusi LPA ialah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, manakala Timbalannya ialah Ketua Pengarah JAWHAR. LPA terdiri daripada seorang wakil daripada Majlis Agama Islam Negeri-Negeri, seorang wakil daripada Kementerian Kewangan, seorang wakil daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan tiga orang wakil daripada sektor korporat. Beberapa mekanisme bagi pelaksanaan wakaf tunai telah dilaksanakan di bawah YWM, antaranya sumbangan melalui sistem dalam talian (*online*) menerusi laman sesawangnya iaitu www.ywm.gov.my dan juga menggunakan kaedah potongan gaji secara berkala kepada penjawat awam di bawah lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Selain itu, peranan YWM juga adalah untuk membantu MAIN untuk memajukan tanah-tanah wakaf dan kini banyak projek wakaf telah dibangunkan (Mohamad et al., 2020).

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian ini ialah masih ramai dalam kalangan masyarakat di Terengganu yang tidak memahami konsep wakaf tunai walaupun pelaksanaannya di Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) telah berjalan selama lapan tahun (Zukiflee et al., 2015). Berdasarkan pengalaman di MAIDAM, permasalahan utama adalah keinginan masyarakat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai penajaan aset wakaf tunai yang dilakukan terhadap wang yang telah disumbangkan (Fatimah Harun, 2020). Menurut Nor Aishah et al. (2015), permasalahan kefahaman mengenai wakaf tunai dalam kalangan masyarakat berpunca daripada faktor kurangnya pendedahan melalui promosi dan pelaksanaan hebahan. Justeru, pelaksanaan promosi dan hebahan perlu dipertingkatkan khususnya oleh MAIDAM. Sehubungan itu, kajian ini akan meneroka segala aspek tadbir urus wakaf tunai di MAIDAM bermula daripada kaedah kutipan, simpanan tunai, pertukaran aset, pengurusan aset dan penerimaan manfaat. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi pencerahan terhadap kekeliruan masyarakat khususnya di Negeri Terengganu.

SOROTAN KAJIAN

Pelaksanaan wakaf tunai di Terengganu telah bermula pada 30 Disember 2007, dan ia dilancarkan secara rasmi oleh YAB Menteri Besar di Pusat Pentadbiran Negeri iaitu di Wisma Negeri Terengganu. Pada masa tersebut, kutipan atau pungutan wakaf tunai dilakukan berdasarkan sumbangan daripada organisasi atau individu. Tabung-tabung wakaf telah ditempatkan di pejabat MAIDAM di seluruh daerah iaitu Kuala Terengganu, Kemaman, Hulu Terengganu, Besut, Marang dan Setiu (Fatimah Harun, 2020). Pelaksanaan wakaf tunai turut diperuntukkan dalam Enakmen Wakaf Terengganu 2016. Di bawah seksyen 2(1) Enakmen tersebut menjelaskan bahawa wakaf tunai merangkumi wang atau emas serta melibatkan segala sumbangan bagi maksud wakaf.


Dari sudut hukum syarak, pelaksanaan wakaf tunai dibolehkan di Terengganu sebagaimana yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu pada 31 Januari 2007. Sepuluh tahun kemudian, beberapa elemen penting telah diputuskan semula oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu pada 4 Oktober 2017, antaranya ialah MAIDAM diiktiraf sebagai wakil atau pemegang amanah bagi mentadbir wang wakaf dan menukarnya kepada aset kekal. Keputusan fatwa tersebut menyatakan bahawa MAIDAM diberi pilihan untuk menukarkan wang tunai sama ada dengan membeli atau membina mana-mana aset. Sehubungan itu, MAIDAM juga dibenarkan untuk mengenakan caj pengurusan terhadap hasil daripada aset wakaf tunai yang telah ditukarkan tetapi bukan terhadap tabung sumbangan wakaf (Jabatan Mufti Negeri Terengganu, 2017).

Pada tahun 2019, MAIDAM telah meletakkan tujuh objektif dalam pelaksanaan wakaf tunai (Fatimah Harun, 2020):

- Menyuburkan dan membudayakan semula amalan berwakaf sebagai satu bentuk sedekah jariah yang sangat dituntut dalam Islam.
- Menyediakan kemudahan alternatif kepada umat Islam untuk menyertai ibadat *maliah* seperti wakaf mengikut kemampuan masing-masing tanpa melibatkan harta atau aset kekal.
- Menggalakkan umat Islam mengiktiraf wakaf sebagai sistem yang diyakini berpotensi untuk menggerakkan pembangunan sosio-ekonomi ummah.
- Menanam dan mendidik sikap, semangat dan kerjasama yang erat sesama umat Islam berkonsepkan ukhuwah Islamiah.
- Memperbanyakkan lagi pegangan aset umat Islam hasil daripada pengumpulan wang tunai dan disalurkan untuk kepentingan agama dan pembangunan sosio-ekonomi ummah.
- Dapat melaksanakan pembangunan harta-harta wakaf dan sosio-ekonomi ummah dengan skop yang lebih luas, dinamik dan bersepadu.
- Meluaskan saluran kebajikan dengan lebih holistik, sistematik dan berkesan.

Setelah usaha pemerkasaan dilakukan oleh MAIDAM, makenisme pungutan wakaf tunai tidak lagi terhad kepada tabung fizikal yang disediakan. Sebaliknya, beberapa kaedah baharu telah diperkenalkan bagi memudahkan penyumbang. Antaranya ialah pembayaran langsung di kaunter MAIDAM, pembayaran melalui perbankan dalam talian (*internet banking*) menerusi Maybank, Bank Islam Berhad dan Bank Muamalat, pembayaran melalui JomPAY menggunakan kod nombor 34116, kaedah Snap&Pay serta potongan gaji secara berkala, dengan jumlah minimum potongan sebanyak RM6. Berdasarkan mekanisme ini, jumlah kutipan wakaf tunai yang diperoleh adalah seperti berikut:

Rajah 1: Jumlah Kutipan Wakaf Tunai MAIDAM



Sumber: Penulis (2025)

Berdasarkan Rajah 1, pelaksanaan kaedah potongan gaji bagi wakaf tunai bermula pada tahun 2016. Namun, pada peringkat awal, jumlah penyertaan masih rendah kerana ia melibatkan kakitangan perkhidmatan awam Terengganu di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu (SPNT), seperti kakitangan pejabat tanah, pejabat daerah dan jabatan lain yang berkaitan. Sebaliknya, potongan gaji dalam kalangan kakitangan perkhidmatan awam persekutuan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) seperti guru, pensyarah, polis, kakitangan hospital dan sebagainya, adalah lebih mencabar untuk dilaksanakan. Ini kerana hanya Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) mempunyai kod kelulusan untuk melaksanakan potongan gaji bagi kakitangan persekutuan. Dalam konteks ini, MAIDAM hanya memegang kod bagi majikan di peringkat negeri Terengganu dan sebarang kelulusan bagi potongan gaji perlu melalui Pejabat Pembendaharaan Negeri. Faktor ini menjadi salah satu sebab mengapa kutipan wakaf tunai melalui potongan gaji pada peringkat awal adalah terhad.

Merujuk kepada rajah di atas kadar kutipan wakaf tunai pada tahun 2017 menunjukkan peningkatan mendadak. Ini disebabkan oleh sumbangan korporat yang besar pada April 2017, di mana sebuah syarikat telah menyumbang hampir satu juta – sesuatu yang tidak pernah berlaku pada tahun-tahun sebelumnya. Salah satu faktor utama peningkatan ini ialah usaha berterusan pihak MAIDAM dalam memperkukuhkan promosi wakaf tunai. Antara langkah-langkah yang telah diambil termasuk pengiklanan melalui radio seperti Terengganu FM dan Manis FM, paparan iklan di tempat awam dalam bentuk papan tanda atau *lightbord* di pusat bandar, pengiklanan di akhbar serta hebahan melalui khutbah Jumaat. Selain itu, MAIDAM juga menubuhkan pasukan khas bagi menjalankan promosi zakat dan wakaf, termasuk wakaf tunai. Aktiviti promosi yang dilaksanakan merangkumi taklimat dan ceramah berkala kepada majikan dan jabatan, serta forum terbuka untuk masyarakat umum, yang dilaksanakan dengan kerjasama agensi lain seperti YWM, Bank Islam Berhad dan Universiti College Bestari (UCB). Hasil daripada inisiatif ini, jumlah kutipan wakaf tunai menunjukkan peningkatan ketara. Walau bagaimanapun, MAIDAM masih berhadapan dengan persoalan daripada masyarakat, terutamanya berkaitan pengurusan dan penggunaan dana wakaf tunai yang telah dikumpulkan (Fatimah Harun, 2020).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif dengan data yang diperoleh melalui kajian perpustakaan serta temu bual bersama kakitangan MAIDAM yang terlibat secara langsung dalam pengurusan wakaf tunai. Di MAIDAM, pengurusan wakaf tunai dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Mal yang terdiri daripada dua orang kakitangan. Setelah proses saringan dibuat, seorang responden utama telah dipilih untuk sesi temu bual, iaitu Fatimah Harun, yang berkhidmat sebagai Penolong Hal Ehwal Islam Wakaf dan Sumber Am. Beliau mempunyai pengalaman selama 12 tahun dalam bidang pengurusan wakaf. Bagi kaedah temu bual, terdapat tiga pendekatan utama iaitu temu bual berstruktur; temu bual separa struktur; dan temu bual tidak berstruktur. Dalam kajian ini, kaedah temu bual separa struktur digunakan bagi membolehkan responden memberikan maklumat yang lebih luas and tidak terhad kepada skop soalan yang ditetapkan. Hal ini memastikan data yang diperoleh lebih komprehensif dan relevan dengan objektif kajian. Seterusnya, data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan selaras dengan protokol dalam kajian kualitatif (Darusalam & Hussin, 2016).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bagi membincangkan objektif kajian ini, pada tahun 2016, mesyuarat tertinggi MAIDAM telah membuat keputusan mengenai dasar penggunaan dana wakaf tunai. Keputusan tersebut menetapkan bahawa 100% daripada sumbangan yang diterima mesti ditukar kepada aset kekal, selaras dengan keputusan fatwa yang telah dikeluarkan. Manakala hasil daripada aset wakaf tersebut dibahagikan kepada dua; 40% dilaburkan semula ke dalam dana wakaf bagi memastikan kesinambungan dan pertumbuhan dana tersebut; manakala 60% diagihkan kepada tiga sektor utama iaitu:

- a) Membiayai pembesaran atau penyelenggaraan institusi agama Islam seperti masjid surau, sekolah agama, pertubuhan Islam dan sebagainya.
- b) Membiayai program-program keagamaan dan pendidikan.
- c) Membiayai bantuan dan keperluan sosial umat Islam dan lain-lain yang bertepatan dengan hukum syarak.

Dana wakaf tunai yang telah berjaya ditukarkan kepada aset kekal telah digunakan bagi pembinaan sebuah surau untuk kegunaan anak-anak yatim di Pusat Darul Akhyar. Pusat ini terletak di Kampung Mengabang Kapal, Batu Rakit, Kuala Terengganu. Ia dikendalikan sepenuhnya oleh MAIDAM dan mula beroperasi pada tahun 2011. Ketika ini, pusat tersebut menempatkan 100 orang anak yatim miskin serta kakitangan yang bertugas. Ia terdiri daripada beberapa blok bangunan utama, termasuk asrama pelajar lelaki dan perempuan, pusat pentadbiran, dewan makan dan sebuah surau yang berkeluasan 20 x 15 kaki persegi, dibina sepenuhnya menggunakan dana wakaf tunai. Selain itu, tapak bagi operasi pusat ini juga merupakan tanah wakaf. Pada tahun 2008, sorang individu telah mewakafkan tanah seluas 3.5 ekar kepada MAIDAM untuk dijadikan sebagai wakaf pendidikan. Tanah tersebut terletak di Lot 3387 GM 10277 Mukim Batu Rakit, dan proses pendaftarannya dilakukan melalui kaedah pindah milik menggunakan Borang 14A di bawah seksyen 215, Kanun Tanah Negara 1965 (Fatimah Harun, 2020).

Selain itu, dana wakaf tunai turut ditukarkan kepada aset kekal yang bersifat komersial. Langkah ini bertujuan untuk memastikan aset tersebut dapat menjana pendapatan melalui bayaran sewaan, sekali gus meningkatkan keberdayaan dana wakaf tunai secara berterusan. Dalam hal ini, MAIDAM telah membeli empat unit bangunan tiga tingkat yang terletak di Pekan Pasar Batu Enam, Kuala Terengganu. Keterangan hartanah tersebut iaitu Lot 18170 PM 3975, Lot 18171 PM 3977, Lot 18172 PM 3983 dan Lot 18182 PM 3033 Mukim Kuala Nerus. Hartanah ini berada di kawasan strategik, yang menjadi tumpuan orang ramai bagi urusan perniagaan. Kesemua unit tersebut telah disewakan sepenuhnya, dengan hasil sewaan yang diperolehi melebihi RM15,000 sebulan. Dari sudut dokumentasi, hartanah ini telah didaftarkan sebagai tanah wakaf dalam geran tanah. Ini selaras dengan peruntukan di dalam seksyen 5(4), Enakmen Wakaf Terengganu 2016 iaitu:

'Jika perletakhakan tersebut melibatkan mana-mana tanah beri milik atau apa-apa bahagian dalam mana-mana tanah beri milik, Pendaftar, selepas menerima permohonan secara bertulis dari pihak Majlis tentang peletakhakan tersebut hendaklah melaksanakan peruntukan-peruntukan dalam seksyen 416C Kanun Tanah Negara dan perkataan 'wakaf' hendaklah diendorskan dalam hak milik tersebut'

Dari sudut perakaunan, hasil yang diperolehi daripada dana wakaf tunai akan diakuankan sebagai Kumpulan Wang Wakaf. Ini kerana MAIDAM menguruskan beberapa kumpulan wang berbeza, termasuk Kumpulan Wang Majlis, Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Sumber Am. Setiap kumpulan wang ini dikendalikan mengikut Tatacara Pengurusan Kewangan MAIDAM, yang merangkumi proses seperti penutupan akuan, pengauditan dan pemantauan kewangan (MAIDAM, 2018). Dari aspek perundangan, kedudukan Kumpulan Wang Wakaf adalah berpandukan seksyen 37, Enakmen Wakaf Terengganu 2016. Dalam konteks perakaunan wakaf tunai, perolehan aset yang diterima dikategorikan sebagai hasil wakaf khas. Oleh itu, segala perbelanjaan tertakluk kepada seksyen 38(2) Enakmen yang sama, yang memperuntukkan mana-mana perbelanjaan wang wakaf khas mestilah berdasarkan mengikut tujuan *waqif* atau pewakaf. Dalam hal ini, MAIDAM bertindak sebagai wakil pewakaf, bertanggungjawab memastikan tadbir urus dana wakaf dilaksanakan mengikut ketetapan yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa.

Bagi melihat dengan jelas bagaimana hasil terimaan wang ini digunakan, perbelanjaannya dilaksanakan mengikut tatacara yang telah ditetapkan. Mengikut Standard Operasi Prosedur (SOP), penggunaan wang ini adalah berdasarkan agihan dalam bentuk Skim Bantuan Wakaf dan Sumber Am. Terdapat beberapa jenis bantuan di dalam skim tersebut iaitu (MAIDAM, 2018):

- a) Bantuan Penyelenggaraan Kubur (PK)
- b) Bantuan Ihya' Ramadhan (IR)
- c) Bantuan Program Keagamaan di Masjid / Surau (PM)
- d) Bantuan Peralatan Sekolah Agama (PS)
- e) Bantuan Pembaikan Kecil Sekolah Agama (PA)
- f) Bantuan Kebajikan Anak-Anak Yatim (KY)

Syarat bagi Skim Bantuan Penyelenggaraan Kubur melibatkan tiga tahap. Pertama, sumbangan untuk kegunaan pagar dengan kadar tidak melebihi RM10,000. Kedua, tambun tanah dengan kadarnya tidak melebihi RM20,000. Ketiga, pemasangan lampu dengan kadarnya tidak melebihi RM1,000,000. Selain itu, terdapat beberapa syarat lain bagi memenuhi permohonan ini, antaranya pemohon mestilah mengisi borang yang disediakan, menyertakan kertas kerja lengkap, memastikan tanah berstatus wakaf serta melampirkan beberapa dokumen yang diperlukan. Permohonan ini hendaklah dibuat melalui Jawatankuasa Masjid yang berdaftar di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (MAIDAM, 2018).


Bagi skim bantuan yang lain, setiap satunya mempunyai syarat yang berbeza. Setiap peruntukan di bawah skim bantuan ini mempunyai had siling yang telah ditetapkan. Antaranya ialah Bantuan Ihya' Ramadhan: jumlah bantuan yang diberikan tidak melebihi RM1,000 bagi kegunaan masjid dan RM500 bagi kegunaan surau; Bantuan Program Keagamaan di Masjid/Surau dan Bantuan Peralatan Sekolah Agama: jumlah bantuan tidak melebihi RM3,000; Bantuan Pembaikan Kecil Sekolah Agama: jumlah bantuan tidak melebihi RM5,000 dan; Bantuan Kebajikan Anak-Anak Yatim: jumlah bantuan tidak melebihi RM100 seorang. Berdasarkan skim bantuan di atas, jumlah penerima kini adalah seperti berikut:

Rajah 2: Jumlah Penerima Bantuan Wakaf Am MAIDAM


Daerah/Bantuan	PK	IR	PM	PS	PA	KY
Kuala Terengganu	12	4	3	2	2	2
Kuala Nerus	2	-	-	-	1	1
Kemaman	3	2	1	1	3	1
Besut	2	-	-	-	-	-
Marang	9	3	3	-	-	-
Hulu Terengganu	1	1	2	-	1	-
Setiu	5	1	-	-	-	-
Jumlah	34	11	9	3	6	4
Jumlah Keseluruhan: 67						

Sumber: Data Agihan Manfaat Wakaf (MAIDAM, 2018)

Berdasarkan Rajah 2 di atas, jumlah penerima tertinggi adalah daripada penerima Bantuan Penyelenggaraan Kubur (PK) iaitu 50%, diikuti Bantuan Ihya' Ramadhan (IR) 16%, Bantuan Program Keagamaan di Masjid/Surau (PM) 13%, Bantuan Pembaikan Kecil Sekolah Agama (PA) 9%, Bantuan Kebajikan Anak-Anak Yatim (KY) 6% dan Bantuan Peralatan Sekolah Agama (PS) 4%. Manakala dari segi pengagihan mengikut daerah, daerah dengan jumlah penerima tertinggi ialah Kuala Terengganu 38%, diikuti oleh Marang 22%, Kemaman 14.9%, Setiu 8.9%, Hulu Terengganu 7%, Kuala Nerus 5.9% dan Besut 2.9%. Nisbah ini dirujuk dalam Rajah 3 di bawah:



Sumber: Penulis (2025)



Sumber: Penulis (2025)

Jumlah ini mengambil kira syarat permohonan yang diterima oleh MAIDAM serta memenuhi kriteria yang ditetapkan mengikut SOP yang telah ditetapkan. Berdasarkan analisis data di atas, jumlah penerima bagi jenis bantuan yang lebih rendah adalah disebabkan bantuan tersebut telah diperuntukkan di bawah Kumpulan Wang Zakat, selain terdapat permohonan yang sama direkodkan. Proses pemberian bantuan dikedalikan di peringkat Bahagian Zakat iaitu melalui Unit Agihan. Jika permohonan telah diluluskan di bawah peruntukan tersebut, maka ia tidak lagi dipertimbangkan di bawah Unit Wakaf dan Sumber Am (Fatimah Harun, 2020).

KESIMPULAN

Kajian ini mengakhiri bahawa segala data yang diperolehi daripada pihak MAIDAM yang dianalisis menunjukkan bahawa pelaksanaan penajaan wang wakaf tunai adalah menepati mengikut prinsip hukum syarak, sebagaimana yang telah difatwakan. Dari segi tadbir urus pula, ia juga memenuhi perundangan dan peraturan yang telah ditetapkan. Justeru, kupasan ini dapat memberi pencerahan terhadap sebarang kekeliruan dan persoalan yang timbul dalam kalangan masyarakat khususnya di negeri Terengganu.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) bagi memberi kerjasama dalam menjayakan penulisan artikel ini dari sudut perkongsian data, maklumat, temubual dan sebagainya.

KONFLIK KEPENTINGAN

Artikel ini keseluruhannya tidak mempunyai konflik antara para penulis dengan pihak luar yang terlibat dalam menjayakan penulisan ini.

SUMBANGAN PENULIS

Mohd Ridzuan Mohamad bertanggungjawab sepenuhnya menyediakan keseluruhan penulisan kandungan artikel yang terdiri abstrak, pendahuluan, permasalahan kajian, sorotan kajian, metodologi kajian, dapatan kajian, perbincangan dan rumusan.

RUJUKAN

- Darusalam, G & Hussin, S. (2016). *Metodologi Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Unversiti Malaya.
- Djuzali. (2003). *Fiqh Siyasah: Implementasi Kemaslahatan Umat dalam Rumbu-Rumbu Syariah*. Jakarta: Prenda Media Group.
- Fatimah Harun, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Wakaf Dan Sumber Am, Temubual pada 2 Februari 2020.
- Jabatan Mufti Negeri Kedah. (2010). *Himpunan Fatwa Ke-5 Bagi Negeri Kedah Darul Aman*. Kedah: Jabatan Mufti Negeri Kedah.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (t.t.). *Himpunan Fatwa Negeri Selangor*. Shah Alam: Jabatan Mufti Negeri Selangor.
- Jabatan Mufti Negeri Terengganu. (2011). *Keputusan-Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Terengganu: Percetakan Nasional Berhad*.
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR) & Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). (2016). *Pelan Induk Transformasi Pembangunan Harta Tanah Wakaf di Malaysia*. Selangor: Firdaus Press Sdn Bhd.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. (2009). *Manual Pengurusan Tanah Wakaf*. Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn. Bhd.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. (2010). *Kompilasi Hukum Dan Fatwa Berkaitan Wakaf, Zakat, Haji & Sumber Am*. Selangor: Najjah One Trading & Services.
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. (2018). *Laporan Tahunan MAIDAM 2017*. Kuala Terengganu: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Mohamad, M. H. (2009). Wakaf Tunai dan Potensinya Kepada Pembangunan Sosio Ekonomi Ummah di Malaysia. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 207-237.
- Mohamad, M. R., Mohd Yusoff, Z., & Nordin, N. (2020). *Dokumentasi Tanah Wakaf di Negeri Terengganu Sebelum Kemerdekaan dan Implikasinya Terhadap Keputusan Jawatankuasa Fatwa*. Malaysian

Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5(5), 81 - 88.

Mohamad, M. R., Yusoff, Z. M., & Nordin, N. (2020). Pelaksanaan Wakaf Zuriat di Terengganu. *Malaysian Journal of Islamic Studies* (MJIS), 4(1), 107-114.

Muhamad L. A. (2015). Mumayizāt Al-Waqfi Al-Naqdī Wa Al-Taṭbiqāt Fi Syarīatī Islāmiyyah' E-Prosiding International Conference on Cash Waqf (ICCW2015). Universiti Sains Islam Malaysia.

Nor Aishah I., Azila A.R. & Fidlizan M. (2015). Amalan Wakaf Dalam Kalangan Masyarakat Islam di Kota Bharu Kelantan. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 9, 14-25.



© 2025 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).